

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan  
Sidang Akademik 1994/95

Mei/Jun 1995

JMS 211 - Sejarah Politik Malaysia Tradisional

Masa: [ 3 jam ]

---

**ARAHAN**

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.
2. Jawab EMPAT soalan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.



1. Setujukah anda dengan pandangan Abdul Rahman Ismail bahawa "*Sejarah Melayu* bukan sejarah bangsa Melayu"? Nilaikan kelebihan dan kekurangan *Sejarah Melayu* sebagai suatu sumber sejarah.  
(25 markah)
2. Bincangkan punca-punca kewibawaan sultan dalam sistem politik Melayu dan bagaimana penyimpangan daripada lunas-lunas ini telah mendatangkan krisis politik di Johor pada abad ke-18.  
(25 markah)
3. Ujikan ketepatan hujahan Milner bahawa "alam orang Melayu ialah alam beraja, kalau tiada raja orang Melayu akan pergi mencari raja" berdasarkan peninjauan sejarah pengasasan Negeri Sembilan dan Selangor.  
(25 markah)
4. Huraikan corak agihan kuasa di negeri-negeri feudal Tanah Melayu dan jelaskan bagaimana sifat ini menjadi punca perpecahan politik di negeri-negeri ini, terutamanya pada abad ke-19.  
(25 markah)
5. Melaka dan Brunei masing-masing merupakan pelabuhan yang terkenal di Asia Tenggara pada abad ke-15 dan abad ke-16. Bandingkan ciri-ciri dua negeri ini yang telah menjadi daya penarik kepada para saudagar pada tempoh itu.  
(25 markah)
6. Siam dan Britain merupakan dua kuasa imperialis yang pernah menguasai negeri-negeri Tanah Melayu. Bandingkan cara dua pihak ini menegakkan pertuanannya.  
(25 markah)
7. Apabila James Brooke mengambilalih kuasa di Sarawak, beliau mengisytiharkan bahawa prinsipnya ialah memupuk pembangunan masyarakat tempatan tanpa menghancurkan amalan-amalan asli. Setakat manakah dasar-dasar Brooke akur kepada prinsip ini?  
(25 markah)
8. Menurut Andaya, "kecenderungan pemerintah Melayu menjemput orang luar bercampur tangan untuk menentang musuh mereka telah mengakibatkan kehilangan kuasa pemerintah asli". Huraikan peristiwa-peristiwa dalam sejarah Tanah Melayu yang menyokong pernyataan ini.  
(25 markah)

oooOooo